

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
LANGKAWI

Oleh

INTAN MASRINA BINTI MAHADZIR
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Disampaikan Kepada
Jabatan Ekologi Dan Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

No. 2581

Perpustakaan
Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039803

LJ 26 FPE 1 2005



1100039803

Laporan akhir Latihan Industri di Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Langkawi / Intan Masrina Mahadzir.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LP
26
FPE
4
0006

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
LANGKAWI**

Oleh
INTAN MASRINA BINTI MAHADZIR
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100039803

DEDIKASI

....BUAT TATAPAN....

....AYAHANDA DAN BONDA YANG DIKASIHI DAN DISAYANGI...

....BUAT KEKANDA YANG DIHORMATI....

SERTA

....ADINDA-ADINDA KU SEKALIAN....

....LINDA, TARA, ZIETA, ZEELA, SYUKIN, AIDA, NORLI DAN HAFIZ

YANG DIRJNDUI SELALU

PENGESAHAN PERAKUAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya INTAN MASRINA BINTI MAHADZIR (UK9035) mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terlibat dengan isi kandungan laporan ini.

Tandatangan



Nama: Intan Masrina Binti Mahadzir

Tarikh : 14 NOVEMBER 2005

Disahkan oleh



Penyelia KUSTEM
b/p Pengurus Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
(KUSTEM)

PENGHARGAAN

Setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat llahi kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menamatkan Latihan Industri ini dengan jayanya. Sepanjang 12 minggu menjalani Latihan Industri di Jabatan Kastam Diraja Malaysia Langkawi pelbagai ilmu berguna baru dipelajari. Ia merupakan satu pengalaman dan pengetahuan yang bermakna dan berguna untuk dimanfaatkan dan dijadikan panduan dalam menjalani situasi alam pekerjaan yang sebenar. Ribuan terima kasih kepada Dr. Fadzli b. Adam selaku penyelia yang merupakan salah seorang pensyarah Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia di atas tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan sepanjang tempoh menyiapkan laporan Latihan Industri ini. Tidak ketinggalan kepada pensyarah di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia yang banyak memberi tunjuk ajar secara langsung atau tidak langsung.

Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada kakitangan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia Langkawi kerana banyak memberi sokongan terhadap pelajar praktikal di organisasi ini. Tidak dilupakan juga ribuan terima kasih diucapkan kepada Encik Sanusi b. Ab Aziz selaku Penyelia Industri kerana memberi tunjuk ajar dan bimbingan di sepanjang saya menjalani Latihan Praktikal ini. Begitu juga kepada pegawai-pegawai Kastam, Pembantu Tadbir dan Kewangan kerana tidak jemu berkerjasama dengan saya dalam menimba ilmu di organisasi ini. Segala tunjuk ajar yang diberikan merupakan pendorong kepada kesungguhan untuk menjalani Latihan Industri ini dengan jayanya.

Juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya iaitu Siti Kamaliah bt. Rashid dan Mahadzir b. Hamid yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan sepanjang menjalani Latihan Industri ini. Tidak dilupakan juga buat teman-teman seperjuangan dan rakan-rakan pratikum yang telah terlibat secara langsung dalam menyiapkan laporan ini. Sesungguhnya hanya Tuhan yang dapat membala segala jasa yang telah diberikan.

Akhir sekali semoga Allah akan memberi rahmat dan mengurniakan ganjaran yang sebaik-baiknya kepada kita semua.

Sekian terima kasih,
Intan Masrina Binti Mahadzir
(UK9035)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Program Latihan Industri merupakan salah satu cara atau pendekatan yang disusun oleh pihak universiti kepada pelajar dalam mendedahkan pelajar terhadap situasi sebenar alam pekerjaan. Oleh yang demikian Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) telah mewajibkan para pelajar dari Program Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) agar menjalani Latihan Industri selama 12 minggu bermula dari 20 Mac 2005 hingga 11 Jun 2005.

Objektif Latihan Industri adalah merangkumi pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang mungkin diperolehi dengan pengaplikasikan program pengajian pelajar. Secara tidak langsung pelajar dapat mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan suasana pekerjaan sebenar. Selain itu, objektif Latihan Industri yang dirangka oleh pihak universiti juga membolehkan pelajar menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan apabila bergraduat nanti.

Pelatih telah menjalani Latihan Industri di Jabatan Kastam Diraja Malaysia Langkawi yang beralamat Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pangkalan Marin Kastam Bukit Malut Langkawi, 07000 Langkawi Kedah. Jabatan Kastam ini telah ditubuhkan sebelum Perang Dunia Kedua. Objektif utama KDRM ialah memungut cukai tidak langsung dengan tepat, cekap dan berkesan, sesuai dengan perkembangan dasar dan strategi percuaiannya tidak langsung negara.

Laporan ini dibahagikan kepada 4 bahagian yang mana melibatkan keseluruhan aspek mengenai organisasi. Bab pertama merangkumi penghuraian mengenai latar belakang dan aktiviti yang dijalankan oleh KDRM Langkawi. Manakala bab kedua pula menghuraikan tentang sistem yang sedia ada, pemasalahan yang dihadapi oleh organisasi tersebut. Kemudian disusuli dengan cadangan penyelesaian terhadap pemasalahan yang timbul serta cadangan perlaksanaan dan implikasi cadangan tersebut.

Secara keseluruhannya Latihan Industri ini banyak mendedahkan kepada pelajar tentang keadaan sebenar di dalam pengurusan organisasi. Pengalaman dan ilmu yang diperolehi melalui Latihan Industri ini sememangnya memberikan gambaran sebenar situasi alam pekerjaan kepada pelajar. Diharapkan latihan seumpama ini akan dapat diteruskan dan perluaskan skop kajiannya agar pelatih akan datang dapat memahami dan mempraktikkan ilmu yang diperolehi dalam pengajian masing-masing.